

SOALAN LAZIM BERKAITAN SISTEM AWARD GCR

Soalan 1:

Bolehkah agensi di bawah Kementerian/Jabatan/Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi Pentadbir Agensi bagi Sistem Award GCR? Jika boleh, bagaimana cara untuk menjadi Pentadbir Agensi tersebut?

Jawapan: Pengguna di Kementerian/Jabatan/Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri yang menguruskan permohonan pegawai perlu membuat permohonan id pengguna menerusi Borang Permohonan ID Pengguna Sistem Award GCR JPA. Borang permohonan ini boleh dimuat turun melalui [pautan https://award-gcr.jpa.gov.my/docs/BorangPermohonanUserIDSistemAwardGCRV1.0.docx](https://award-gcr.jpa.gov.my/docs/BorangPermohonanUserIDSistemAwardGCRV1.0.docx).

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan melalui e-mel pertanyaan.gcr@jpa.gov.my. Setelah mendapat kelulusan daripada Bahagian Pencen JPA sebagai Pentadbir Agensi, ID Pengguna dan kata laluan akan dimaklumkan melalui e-mel kepada pegawai.

Soalan 2:

Bagaimanakah Pentadbir Agensi ingin mengetahui status permohonan dalam Sistem Award GCR?

Jawapan:

Pentadbir Agensi akan diberikan notifikasi status permohonan melalui e-mel untuk tindakan selanjutnya.

Soalan 3:

Bagaimanakah Pentadbir Agensi ingin melihat kuiri permohonan yang diterima melalui e-mel?

Jawapan:

Pentadbir Agensi perlu membuat carian maklumat permohonan dalam Sistem Award GCR sama ada melalui nama atau nombor kad pengenalan dan seterusnya klik di tab Kuiri di ruangan Kemaskini Pengurusan Permohonan.

Soalan 4:

Adakah pemohon boleh melihat status permohonan melalui Sistem Award GCR?

Jawapan:

Ya. Pemohon boleh melihat status permohonan mereka melalui Sistem Award GCR dengan memasukkan maklumat nombor kad pengenalan dan kata laluan yang sama seperti di dalam sistem HRMIS.